

# Mahathir bidas pertubuhan yang tak sokong dasar kerajaan

UM 23 APR 1984

KUALA SELANGOR

22 April - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas pertubuhan-pertubuhan tertentu di negara ini yang tidak pernah menyokong baik dasar kerajaan tetapi sebaliknya hanya pandai membuat kecaman.

Menurut Perdana Menteri, setiap kali kerajaan memperkenalkan dasar yang baru bagi faedah rakyat, pertubuhan-pertubuhan berkenaan akan berkata ia akan membawa keburukan.

"Bila kita kata kita patut swastakan agensi tertentu, mereka akan kata tindakan sedemikian adalah tidak wajar dan tidak akan membawa untung.

"Bila kita perkenalkan konsep bersih, cekap dan amanah (BCA), mereka

kata mustahil dan aoabila kita perkenalkan konsep kepimpinan melalui tauladan, mereka kata kita cakap tidak serupa bikin," kata beliau ketika berucap merasmikan bangunan UMNO bahagian Kuala Selangor dan mesyuarat perwakilan bahagian di sini pagi ini.

Menurut Perdana Menteri, baru-baru ini apabila beliau mengumumkan dasar kependudukan kecaman yang sama juga diterima dari kalangan pertubuhan berkenaan.

Beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan menjadi terpengaruh dengan suara-suara sumbang itu.

Tegas beliau, tugas UMNO adalah untuk menentukan agar rakyat menyokong sepenuhnya pendekatan baru kerajaan untuk membangunkan mereka.

Mengenai kemajuan di kawasan luar bandar, Datuk Sri Dr. Mahathir menyasarkan kepada rakyat di kawasan tersebut 'supaya memulakan industri kecil-kecilan dengan menggunakan pengetahuan teknologi yang sederhana bagi membolehkan mereka memperolehi pengalaman.

Katanya, industri-industri kecil-kecilan seperti kraf-tangan yang boleh dibuat dari bahan-bahan yang mudah diperolehi seperti jerami, kayu, rotan, sekam padi dan tanah liat boleh digunakan sebagai asas permulaan.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, rakyat di negara ini harus bersedia untuk melakukan kerja-kerja seumpama itu sementara menantikan kerajaan menempatkan industri berat di kawasan mereka kerana ia sudah terbukti berjaya dilaksanakan di Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Fili-

pina.

"Kita harus mula dengan teknologi yang sederhana. Bila sudah pandai barulah pindah ke teknologi yang lebih tinggi," kata beliau.

Menurutnya, rakyat Malaysia harus mengambil peluang yang ada sekarang bagi menjalankan industri-industri kecil-kecilan seumpama memandangkan barang-barang kraftangan kini mempunyai permintaan yang banyak dari dunia luar.

Selepas upacara perasmian bangunan UMNO bahagian yang berharga \$1 juta itu, Perdana Menteri kemudian menyampaikan cenderamata kepada empat orang tokoh lama UMNO yang telah berjuang di bahagian berkenaan sejak parti tersebut ditubuhkan.

Mereka terdiri dari Hajj Abu Kassim Yusuf, Encik Abdul Manaf Abdul Rahman, Haji Ahmad Hussir dan Encik Mohd. Lana bir Lata.